

PENTING/ PENAFIAN

INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET SANDARAN, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	NAMA PRODUK:
Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk menerima Akaun Perlaburan General Investment Account-i. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umum.	GENERAL INVESTMENT ACCOUNT-i (“GIA-i”) <i>berkuatkuasa 13 Januari 2025 (untuk pelaburan baharu) dan 3 Mac 2025 (untuk pelaburan sedia ada)</i>

MAKLUMAT RINGKAS MENGENAI PRODUK

Apakah maklumat berkaitan dengan produk ini?

Kontrak Syariah yang diguna pakai	Mudarabah. Ini adalah kontrak di antara pemilik modal (rabbul mal) dan pengusaha (mudarib) yang mana rabbul mal menyediakan modal untuk dilaburkan di dalam usaha niaga Mudarabah dan diuruskan oleh mudarib. Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada usaha niaga tersebut dikongsi di antara rabbul mal dan mudarib mengikut nisbah perkongsian keuntungan (“PSR”) yang telah dipersetujui bersama manakala kerugian akan ditanggung oleh rabbul mal dengan syarat kerugian itu tidak disebabkan oleh salah laku (ta’adi), kecuaian (taqsir) atau pelanggaran sebarang terma tertentu (mukhalafah al-shurut) oleh mudarib.
Jenis Produk	<ul style="list-style-type: none"> Ini adalah akaun pelaburan tidak terhad dikenali sebagai Akaun Pelaburan Mudarabah, yang mana pelanggan memberi mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan tanpa menentukan sekatan atau syarat tertentu. Bank akan melabur dalam portfolio aset patuh Syariah yang terpilih, yang berpotensi memberikan pulangan yang lebih tinggi. Ini terpakai kepada produk Akaun Pelaburan Mudarabah di bawah dana Term Fund-i, produk General Investment Account-i (“GIA-i”).
Pihak-pihak yang Terlibat Dalam Aktiviti Pelaburan, Peranan dan Tanggungjawab	<p>Pihak yang terlibat dalam pelaburan ini ialah pelanggan sebagai Pemegang Akaun Pelaburan (“IAH”) iaitu penyedia modal (Rabbul Mal) dan Bank sebagai usahawan (Mudarib), yang mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pelanggan akan melabur dalam GIA-i (“Dana”). Dana kemudiannya dilaburkan oleh Bank ke dalam portfolio aset milik Bank. Keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan diagihkan di antara pelanggan dan Bank berdasarkan Nisbah Perkongsian Untung (“PSR”) yang dipersetujui. Sila rujuk bahagian “Kekerapan Pengagihan Keuntungan” di bawah untuk butiran lanjut. Pelaburan ini terikat dengan prestasi aset sandaran, dan prinsipal serta pulangan tidak dijamin oleh Bank. Kerugian kewangan yang berkaitan dengan pelaburan (jika ada) akan ditanggung oleh pelanggan manakala Bank mungkin mengalami kerugian dari segi kos dan masa.

KESESUAIAN PRODUK

Siapakah yang sesuai dengan produk ini?

Jenis pelabur	Semua segmen, individu dan bukan individu.
---------------	--

Objektif Pulangan	Objektif Dana adalah untuk mengekalkan modal serta memberikan pulangan yang stabil melalui pelaburan berisiko rendah ke sederhana.
--------------------------	--

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah ciri-ciri pelaburan saya?													
Strategi Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Dana akan dilaburkan dalam campuran portfolio gabungan aset milik Bank. Ini adalah pelaburan berisiko rendah hingga sederhana untuk mencapai pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil. 												
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> Individu / Bersama / Perkongsian / Pemilik Tunggal Syarikat / Kelab / Persatuan / Persatuan / Korporat / Institusi 												
Pelaburan Permulaan Minimum	Di antara RM1,000 hingga RM5,000, tertakluk kepada tempoh pegangan,												
Pegangan	1 bulan hingga 60 bulan												
Kekerapan Pengagihan Keuntungan	Bulanan												
Indikatif Kadar Keuntungan	Diumumkan setiap bulan dan dipamerkan di laman sesawang, cawangan Bank dan cara lain yang ditentukan oleh pihak Bank												
Nisbah Perkongsian Keuntungan (“PSR”)	Seperti yang dipamerkan dalam laman sesawang, cawangan Bank dan cara lain yang ditentukan oleh pihak Bank												
Contoh Pengiraan Untung	<p>Contoh pengiraan keuntungan adalah seperti jadual di bawah <i>(Pengiraan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja)</i></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tarikh Pelaburan</th> <th>16/11/2023</th> <th>Tempoh Pegangan</th> <th>1 bulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tarikh matang</td> <td>15/12/2023</td> <td>Nisbah Perkongsian Untung (“PSR”)</td> <td>Pelanggan : Bank 44 : 56</td> </tr> <tr> <td>Jumlah pelaburan</td> <td>RM 20,000.00</td> <td>Kadar Keuntungan kepada Pelanggan (pa)</td> <td>1.90% (Selepas PSR)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kadar Keuntungan kepada Pelanggan = Nisbah Perkongsian Keuntungan x Hasil Bersih Berdasarkan tahun bukan lompat sebanyak 365 hari. Tahun lompat ialah 366 hari. <p>Pengiraan Keuntungan: Amaun Pelaburan x Kadar Keuntungan kepada Pelanggan x Bilangan Hari/365 $RM 20,000 \times 1.90\% \times 30/365 = RM 31.23$</p>	Tarikh Pelaburan	16/11/2023	Tempoh Pegangan	1 bulan	Tarikh matang	15/12/2023	Nisbah Perkongsian Untung (“PSR”)	Pelanggan : Bank 44 : 56	Jumlah pelaburan	RM 20,000.00	Kadar Keuntungan kepada Pelanggan (pa)	1.90% (Selepas PSR)
Tarikh Pelaburan	16/11/2023	Tempoh Pegangan	1 bulan										
Tarikh matang	15/12/2023	Nisbah Perkongsian Untung (“PSR”)	Pelanggan : Bank 44 : 56										
Jumlah pelaburan	RM 20,000.00	Kadar Keuntungan kepada Pelanggan (pa)	1.90% (Selepas PSR)										
Pembukaan Akaun	Di kaunter cawangan dan perbankan dalam talian melalui Maybank2u dan MAE												
Penutupan Akaun / pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> Penutupan dan pengeluaran dana boleh dilakukan melalui pelbagai saluran seperti perbankan di kaunter dan dalam talian. Pelanggan boleh meminta untuk mengeluarkan dana mereka dan menutup akaun mereka secara pramatang atau pada tempoh matang pada bila-bila masa tertakluk kepada terma Pengeluaran pada Tempoh Matang dan Pengeluaran Pramatang seperti yang ditetapkan di bawah dan Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun Pelaburan Mudarabah. 												



		Untuk Pengeluaran Pramatang, sila berpandukan syarat berikut:		
Pengeluaran Pramatang	Saluran	Segmen	Pengeluaran Pramatang	
			Tanpa Notis Bertulis Terlebih dahulu (Pengeluaran Segera)	Dengan 31 hari kalender Notis Bertulis Terlebih dahulu
	Di Kaunter Cawangan	Individu	Dibenarkan. <ul style="list-style-type: none">• Tiada keuntungan akan dibayar.• Pelanggan hendaklah mengetepikan hak mereka untuk menerima keuntungan daripada Bank ke atas keseluruhan keuntungan yang dikontrakkan (jika ada).	Dibenarkan. <ul style="list-style-type: none">• Pelanggan akan memberikan Notis Pengeluaran Awal tidak kurang daripada 31 hari kalender dari tarikh pengeluaran;• Pelanggan bersetuju bahawa dengan memberikan Notis Pengeluaran, pelanggan mengetepikan haknya untuk mengeluarkan atau menebus Dana sehingga tamat tempoh notis;
		Perusahaan Kecil & Sederhana	Tidak Dibenarkan. <i>Berkuatkuasa 13 Jan 2025 (untuk pelaburan baharu) dan 3 Mac 2025 (untuk pelaburan sedia ada)</i>	
		Perbankan Perniagaan		
	Perbankan Dalam Talian -	Perbankan Global		
		Individu	Dibenarkan. <ul style="list-style-type: none">• Tiada keuntungan akan dibayar.• Pelanggan hendaklah mengetepikan hak mereka untuk menerima keuntungan daripada Bank ke atas keseluruhan keuntungan yang dikontrakkan (jika ada).	Dibenarkan. <ul style="list-style-type: none">• Bank hanya bertanggungjawab untuk membayar kepada pelanggan 50% daripada keuntungan (jika ada) yang dikira berdasarkan hari yang lengkap sehingga akhir tempoh notis dan pelanggan bersetuju untuk mengetepikan hak mereka terhadap keuntungan untuk baki keuntungan yang dikontrakkan (jika ada).
		Perusahaan Kecil Sederhana		
		Perbankan Perniagaan		

Walaubagaimanapun, Dana yang dilaburkan untuk tempoh 1 bulan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa dan keuntungan terakru (jika ada) akan dikreditkan ke Akaun Perbankan berdasarkan bilangan hari pelaburan.

Pengeluaran pada Tempoh Matang	Untuk Pengeluaran pada Tempoh Matang, sila berpandukan syarat berikut:			
	Saluran	Segmen	Pengeluaran pada Tempoh Matang	
	Di Kaunter Cawangan	Dengan 31 hari kalendar Notis Bertulis Terlebih dahulu		
		Individu	Tidak Berkenaan	
		Perusahaan Kecil Sederhana		
		Perbankan Perniagaan	Berkuatkuasa pada 13 Jan 2025 (untuk perlaboran baharu) dan 3 Mac 2025 (untuk perlaboran sedia ada) <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan akan memberikan notis pengeluaran awal tidak kurang daripada 31 hari kalendar dari tarikh matang. • Pelanggan bersetuju bahawa dengan memberikan notis pengeluaran, pelanggan mengetepikan haknya untuk mengeluarkan atau menebus Dana sehingga tamat tempoh notis. 	
	Perbankan Dalam Talian	Individu	Tidak Berkenaan	
		Perusahaan Kecil Sederhana		
		Perbankan Perniagaan		
Walaubagaimanapun , Dana yang dilaburkan untuk tempoh 1 bulan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa dan keuntungan terakru (jika ada) akan dikreditkan ke Akaun Perbankan berdasarkan bilangan hari pelaburan.				
Pembaharuan / Pelaburan Semula	<ul style="list-style-type: none"> • Dana tertakluk kepada pembaharuan automatik / pelaburan semula automatik dengan tempoh yang sama pada nisbah perkongsian keuntungan semasa. • Pelanggan boleh menarik diri daripada pembaharuan automatik / pelaburan semula automatik dengan mengemukakan notis bertulis sekurang-kurangnya 31 hari kalendar sebelum tarikh matang Dana. 			
Perlindungan PIDM	Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”)			

Apakah kemungkinan hasil pelaburan saya?

- Pelanggan berpotensi menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding deposit berjangka.
- Prinsipal dan pulangan pelaburan tidak dijamin sekiranya Dana mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi yang diharapkan.

a) Jadual keuntungan dan kerugian


Jadual 1: Simulasi Pasaran Terbaik		Jadual 2: Simulasi Pasaran Terburuk	
Tahun	Kadar Keuntungan kepada IAH (pa)	Tahun	Kadar Keuntungan kepada IAH (pa)
2019	3.35% setahun	2020	1.95% setahun

Nota: Berdasarkan prestasi masa lalu General Investment Account-i.

b) Prestasi Dana antara General Investment Account-i dan Penanda Aras
 Prestasi Lalu:

Butiran	2019	2020	2021	2022	2023
Kadar Keuntungan kepada IAH (p.a.)	3.35%	1.95%	1.95%	2.95%	2.95%
Kadar Penanda Aras (p.a.)	3.10%	1.85%	1.85%	2.85%	2.80%

- Data prestasi mewakili kadar keuntungan kepada IAH (selepas menggunakan PSR) bagi tempoh 12 bulan, berdasarkan hasil bersih yang dijana oleh Dana.
- Kadar penanda aras adalah berdasarkan rekod lepas bagi kadar pulangan Deposit Berjangka bertempoh 12 bulan.



"Prestasi pelaburan masa lalu tidak mencerminkan prestasi akan datang"

PENYATA PENDEDAHAN RISIKO

Apakah risiko utama yang berkaitan dengan dana ini?

Walaupun Bank akan menekankan strategi pelaburan risiko yang selamat dan berisiko minima dalam memastikan pemeliharaan modal dan memaksimumkan keuntungan, pelanggan harus sedar tentang pelbagai faktor risiko yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan Mudarabah seperti berikut:

1. Risiko kehilangan modal - sebarang pelaburan membawa risiko pengurangan nilai kuasa beli. Oleh itu, Bank hanya akan melabur Dana dalam perlbagai aset berisiko rendah dan menerapkan standard pengurusan pelaburan yang kukuh.
2. Risiko Pasaran - Aset yang dilaburkan tertakluk kepada turun naik kadar pasaran yang boleh memberi kesan kepada prestasi pendapatan keseluruhan Dana. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank selaras dengan strategi keseluruhan perlindungan nilai.
3. Risiko Kecairan - Risiko ini berlaku apabila pengeluaran / penebusan melebihi jumlah pelaburan. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank mengikut strategi keseluruhan pengurusan kecairan.
4. Risiko Kredit - Risiko ini mungkin timbul apabila sejumlah besar daripada aset Dana yang dilaburkan mengalami kegagalan. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank dengan pemilihan berhemat perlbagai portfolio aset dan pengawasan yang teliti bagi prestasi aset terpilih.

5. Risiko Keputusan Pelaburan - Risiko ini berlaku sekiranya peruntukan aset untuk dilaburkan tidak sejajar dengan pergerakan pasaran. Oleh itu, pemilihan yang teliti dan tadbir urus yang ketat akan digunakan oleh Bank dalam proses membuat keputusan
6. Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan - Keadaan ini berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter yang ditetapkan oleh pengawal selia berkenaan. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank mengikut dasar dan prosedur keseluruhannya.
7. Risiko Tidak Patuh Syariah - Ia merujuk kepada kegagalan mematuhi peraturan Syariah Majlis Penasihat Syariah BNM. Perkara ini akan dipantau rapi oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
8. Risiko Negara - Kestabilan politik dan ekonomi sesuatu negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi asset pelaburan.
9. Risiko Industri / Sektor - Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian dan pemilihan teliti terhadap sesuatu industri / sektor penting bagi Bank dalam menguruskan risiko

Anda dinasihati supaya berhati-hati dalam mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan"

FI DAN CAJ

Apakah fi dan caj yang terlibat?

Fi dan caj yang dikenakan bagi produk ini boleh dilihat di laman sesawang Bank dan dipamerkan di cawangan-cawangan Bank.

PENILAIAN

- Bank akan membuat penilaian terhadap aset-aset sandaran Dana selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang akan dijalankan secara bulanan.
- Laporan Prestasi Dana akan disediakan bersama penyata kewangan suku tahunan di semua cawangan dan disiarkan melalui laman web Bank.

MAKLUMAT HUBUNGAN

Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Siapa yang harus saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

- a. Maybank Group Customer Care ,
Lot 12, Jalan Astaka U8/84,
Seksyen U8, Bukit Jelutong,
40150 Shah Alam,
Selangor.

Tel: 1-300-88-6688/03-78443696

laman web :www.maybank.com.my/islamic

- b. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian, sila rujuk kepada BNM TELELINK
- i. Melalui telefon ke: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
 - ii. Melalui faks ke: +603-2174-1515
 - iii. Melalui e-mel kepada:bnmtelelink@bnm.gov.my
 - iv. Melalui surat kepada: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
 - v. Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur

PERINGATAN

PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURANINI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET SANDARAN. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SABARANG PULANGAN. AKAUN PELABURANINI TIDAK DILINDungi OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah pada Januari 2025